

16/06/2003

Saya tiada niat cabar Abdullah : Musa

KUALA LUMPUR: Tan Sri Musa Hitam menegaskan beliau tidak berniat untuk mencabar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada pemilihan Umno tahun depan.

"Saya akan kalah jika saya berbuat demikian. Saya rasa tidak ada alasan untuk saya kembali aktif dalam parti. Tidak seperti orang lain, saya sudah lama tidak aktif dalam politik, malah tidak memegang sebarang jawatan dalam parti atau kerajaan," katanya.

Beliau yang juga bekas Timbalan Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri, berkata demikian ketika diminta mengulas kebimbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kemungkinan berlaku perebutan jawatan Timbalan Presiden Umno selepas Perdana Menteri bersara Oktober ini.

Dalam temu ramah dengan sebuah akhbar, Dr Mahathir bagaimanapun yakin Musa dan ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Tengku Razaleigh Hamzah tidak akan mencabar Abdullah "dan jika mereka berbuat demikian, mereka akan kalah."

Musa yang dihubungi semalam, berkata beliau amat bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir itu.

"Saya akan teruskan hidup, saya semakin tua. Dan saya percaya saya tidak akan membabitkan diri (bertanding). Ini berdasarkan kepercayaan asas saya iaitu mesti ada penerapan orang yang lebih muda, dengan jumlah yang ramai ke dalam parti untuk memastikan Umno kekal kukuh dan dinamik," katanya.

Beliau juga menasihatkan semua pihak untuk memberi ruang serta sokongan maksimum yang tidak berbelah bagi kepada Abdullah.

Musa turut melahirkan harapan supaya orang ramai berhenti membuat spekulasi mengenainya atau mana-mana pemimpin lain yang berhasrat untuk mencabar Abdullah.

Tengku Razaleigh bagaimanapun tidak dapat dihubungi.